

Nasihat kepada pengusaha pelancongan

Bina penginapan sederhana: PM

1990

Oleh MAHFAR ALI

GEORGETOWN, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berharap pengusaha swasta, terutama yang berpengalaman dalam industri pelancongan, membina lebih banyak kemudahan penginapan sederhana dan murah, seperti chalet dan motel.

Beliau yakin pertambahan tempat penginapan seperti itu bukan saja dapat menggalakkan lebih ramai pelancong luar ke negara ini, malah membantu kerajaan meningkatkan pelancongan tempatan.

"Kita harus sedar sebahagian besar pelancong asing ke negara ini, iaitu kira-kira 70 peratus, adalah dari Asean, terutama Singapura. Pelancong Ascan ini biasanya memerlukan penginapan sederhana dan murah.

"Begitu juga dengan rakyat Malaysia yang melancong dalam negara hanya berupaya membayar kadar sewa di penginapan sederhana dan murah," katanya.

Merasmikan sebuah hotel terkemuka di sini petang ini, Perdana Menteri juga yakin pembinaan lebih banyak tempat penginapan sederhana dan murah akan dapat mengimbangkan kadar sewa hotel.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pada masa ini kemudahan penginapan sederhana dan murah masih berkurangan menyebabkan sesetengah pengusaha hotel menaikkan sewa bilik.

"Walaupun kajian menunjukkan kadar sewa hotel di negara ini adalah yang termurah, ini tidak bermakna kita harus menaikkan kadar sewa hotel.

"Amalan ini hanya memberi keuntungan dalam jangka pendek, tetapi di segi jangka panjang ia bukan saja merugikan negara, malah pengusaha hotel," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kadar sewa yang tinggi akan menyebabkan kos pengurusan meningkat, tetapi pelanggan tidak ramai.

Sebaliknya, kata beliau, kadar sewa yang rendah akan meningkatkan kadar penginapan dan ini juga akan melariskan perkhidmatan lain, seperti makanan dan minuman.

Mengenai pelancongan tempatan beliau berkata, kerajaan memberi penekanan untuk meningkatkan kegiatan pelancongan bagi mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

"Pelancongan tempatan juga akan menebalkan lagi perasaan bangga dan cintakan negara di kalangan rakyat. Dalam hal ini, kerajaan akan menggalakkan pelancongan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan integrasi nasional," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk sektor pelancongan selepas kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 1990 bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara.